



## KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Kami : KKM.600-28/3/3 JLD. 4 (26)

Tarikh : 3 Jun 2025

### SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk /Dato' Indera /Datin Paduka /Dato' /Datin /Tuan  
/Puan,*

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 19 /2025 : PELAKSANAAN PERKHIDMATAN *PRE-EXPOSURE PROPHYLAXIS (PrEP)* UNTUK PENCEGAHAN HIV DI MALAYSIA**

#### **1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan perkhidmatan *Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP)* untuk pencegahan HIV di Malaysia. PrEP adalah ubat antiretroviral untuk mencegah jangkitan HIV dalam kalangan kumpulan yang berisiko tinggi. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha mencapai matlamat Mengakhiri *AIDS (Ending AIDS)* menjelang tahun 2030.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Jangkitan HIV di Malaysia tertumpu kepada penularan melalui hubungan seksual, dengan majoriti kes baharu dilaporkan dalam kalangan lelaki berumur 20-39 tahun.
- 2.2 Data menunjukkan prevalen HIV kekal tinggi dalam populasi kunci seperti lelaki yang melakukan hubungan seks dengan lelaki (MSM), transgender (TG), pekerja seks wanita (FSW), dan pengguna dadah suntikan (PWID).

- 2.3 PrEP terbukti berkesan mengurangkan risiko jangkitan HIV sebanyak 99% dalam MSM, 75% dalam heteroseksual, dan 74% dalam PWID jika digunakan secara konsisten.

### **3. DASAR DAN POLISI**

- 3.1 Dasar dan polisi pelaksanaan perkhidmatan PrEP untuk pencegahan HIV di Malaysia telah mendapat persetujuan dan kelulusan mesyuarat-mesyuarat berikut:
- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Exco dan Dasar Kesihatan Awam Bil. 3/2024 pada 8 Mei 2024.
  - (ii) Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Bil. 8/2024 pada 3 November 2024.
  - (iii) Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) Bil. 4/ 2024 pada 24 Disember 2024.

### **4. OBJEKTIF PELAKSANAAN**

- 4.1 Memperluas akses kepada perkhidmatan PrEP sebagai langkah tambahan dalam pakej pencegahan HIV.
- 4.2 Meningkatkan kadar saringan HIV dan menghubungkan individu yang dikesan kepada rawatan dan perkhidmatan sokongan.
- 4.3 Memperkukuhkan kaunseling pengurangan risiko dan bantuan psikososial kepada pengguna PrEP.

### **5. GARIS PANDUAN**

- 5.1 Bagi memastikan pelaksanaan PrEP ini dilaksanakan dengan lancar, satu garis panduan telah dibangunkan.
- 5.2 Garis panduan ini menjelaskan tentang keperluan pelaksanaan perkhidmatan PrEP, kumpulan sasaran, kriteria klien yang layak, dan pemantauan program. Ia turut menjelaskan prosedur pemberian ubat PrEP dan langkah-langkah yang perlu diambil

untuk menghubungkan klien yang berisiko tinggi dengan pakej pencegahan HIV, sokongan dan rawatan.

- 5.3 Garis panduan ini akan menjadi panduan umum kepada anggota kesihatan di fasiliti kesihatan kerajaan, swasta, universiti, farmasi komuniti berlesen, badan bukan kerajaan (NGO) dan mana-mana pihak yang berkaitan.
- 5.4 Selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) bagi Pencegahan HIV di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merangka beberapa strategi utama bagi memastikan kelestarian dan keberkesanan pelaksanaan program ini secara menyeluruh. Antara strategi utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Latihan dan Pembangunan Kapasiti

KKM akan melaksanakan bengkel Training of Trainers (ToT) di peringkat kementerian yang melibatkan wakil dari setiap Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Seterusnya, pelaksanaan bengkel echo training secara berfasa perlu dijalankan di peringkat negeri dan daerah bagi memperkasa pegawai kesihatan di barisan hadapan dalam penyampaian perkhidmatan PrEP yang berkualiti.

- ii. Pengekalan dan Pamerkasaan Klinik Kesihatan Sedia Ada

Fasiliti sedia ada yang telah mula menyediakan perkhidmatan PrEP akan terus disokong melalui pengukuhan perkhidmatan dan pemantauan yang berterusan. Rujuk Lampiran 1 bagi senarai Klinik Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan PrEP pada masa ini.

- iii. Penilaian dan Perluasan Perkhidmatan PrEP Secara Strategik

Jabatan Kesihatan Negeri perlu melaksanakan penilaian keperluan secara berkala untuk mempertimbangkan peluasan perkhidmatan PrEP ke fasiliti tambahan, termasuk klinik-klinik yang mempunyai perkhidmatan *Sexually Transmitted Infections (STI) client-friendly* dan Klinik Kesihatan Model (KK Model). Penilaian ini hendaklah berdasarkan permintaan dalam kalangan populasi berisiko tinggi serta beban kes setempat.

iv. Kerjasama Strategik dengan Agensi Luar

Penglibatan organisasi masyarakat sivil (CSO) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah penting dalam aspek promosi kesihatan, advokasi, penyediaan sokongan psikososial, serta penciptaan permintaan (demand creation) dalam kalangan populasi utama. Ini bagi memastikan keberlangsungan program harm reduction secara holistik termasuk perkhidmatan PrEP.

v. Pemantauan dan Penilaian Program Secara Berterusan

Pemantauan berkala dan penilaian impak program akan dijalankan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan fasiliti kesihatan. Ini termasuk pemantauan indikator utama seperti kadar pengambilan (*uptake*), pengekalan (*retention*), dan pematuhan (*adherence*) terhadap PrEP. Penggunaan sistem digital *My HIV Care Cascade* (MHCC), iaitu satu pangkalan data pemantauan kes HIV & Hepatitis C, akan diperkukuh bagi memastikan pelaporan yang tepat, menyeluruh dan pada masa sebenar (*real-time*).

(Rujuk Lampiran 2 untuk perincian lanjut)

- 5.5 Bersama-sama ini disertakan **Garis panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) untuk Pencegahan HIV di Malaysia edisi yang pertama** untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk / Dato' Indera / Datin Paduka / Dato' / Datin / Tuan / Puan.

## 6. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan sehingga sebarang pembaharuan dimaklumkan.

## 7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah,  
Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 3, Blok E10, Parcel E, Persint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
Tel: 03-8883 4418 / 4419

## 8. PENUTUP

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Datin Paduka / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Latihan dalam perkhidmatan bagi tujuan pembangunan kapasiti perlu dijalankan di peringkat fasiliti, daerah atau negeri. Pihak swasta, farmasi komuniti dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan juga perlu dilibatkan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*



3/4/2024

(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)  
KETUA PENGARAH KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- s.k - Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan  
Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan  
Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti  
Makanan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri WP Labuan

Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah,  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah,  
Hospital Tuanku Azizah, Kuala Lumpur

Pengarah,  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah,  
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah,  
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah,  
Hospital Universiti Sains Malaysia

Pengarah,  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Presiden,  
Persatuan Perubatan Malaysia

Presiden,  
Akademi Kedoktoran Keluarga Malaysia

Presiden,  
Persatuan Hospital Swasta Malaysia

Presiden,  
Pertubuhan Doktor-Doktor Primary Care Malaysia

Ketua Eksekutif,  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia

Presiden,  
Persatuan Farmasi Malaysia

Pengarah Eksekutif,  
Yayasan AIDS Malaysia

**LAMPIRAN 1****SENARAI KLINIK KESIHATAN YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN  
PREP**

| <b>Bil</b> | <b>Nama Klinik Kesihatan</b>        | <b>Negeri</b>   |
|------------|-------------------------------------|-----------------|
| 1          | Klinik Kesihatan Kuah               | Kedah           |
| 2          | Klinik Kesihatan Kuala Kedah        | Kedah           |
| 3          | Klinik Kesihatan Laka Temin         | Kedah           |
| 4          | Klinik Kesihatan Bandar Sg Petani   | Kedah           |
| 5          | Klinik Kesihatan Butterworth        | Pulau Pinang    |
| 6          | Klinik Kesihatan Sungai Dua         | Pulau Pinang    |
| 7          | Klinik Kesihatan Greentown          | Perak           |
| 8          | Klinik Kesihatan Ampang             | Selangor        |
| 9          | Klinik Kesihatan Pandamaran         | Selangor        |
| 10         | Klinik Kesihatan Kelana Jaya        | Selangor        |
| 11         | Klinik Kesihatan Seksyen 7          | Selangor        |
| 12         | Klinik Kesihatan Cheras             | KL              |
| 13         | Klinik Kesihatan Kuala Lumpur       | KL              |
| 14         | Klinik Kesihatan Seremban           | Negeri Sembilan |
| 15         | Klinik Kesihatan Port Dickson       | Negeri Sembilan |
| 16         | Klinik Kesihatan Jalan Gereja       | Melaka          |
| 17         | Klinik Kesihatan Mahmoodiah         | Johor           |
| 18         | Klinik Kesihatan Batu Pahat         | Johor           |
| 19         | Klinik Kesihatan Bandar IOI Segamat | Johor           |
| 20         | Klinik Kesihatan Temerloh           | Pahang          |
| 21         | Klinik Kesihatan Beserah            | Pahang          |
| 22         | Klinik Kesihatan Jaya Gading        | Pahang          |
| 23         | Klinik Kesihatan Putatan            | Sabah           |
| 24         | Klinik Kesihatan Sandakan           | Sabah           |
| 25         | Klinik Kesihatan Tawau              | Sabah           |
| 26         | Klinik Kesihatan Luyang             | Sabah           |
| 27         | Klinik Kesihatan Jalan Masjid       | Sarawak         |
| 28         | Klinik Kesihatan Jalan Merbau       | Sarawak         |
| 29         | Klinik Kesihatan Bintulu            | Sarawak         |
| 30         | Klinik Kesihatan Lanang, Sibu       | Sarawak         |
| 31         | Klinik Kesihatan Petrajaya, Kuching | Sarawak         |
| 32         | Klinik Kesihatan Padang Besar       | Perlis          |
| 33         | Klinik Kesihatan Kota Jembal        | Kelantan        |
| 34         | Klinik Kesihatan Seberang Takir     | Terengganu      |
| 35         | Klinik Kesihatan Kuala Dungun       | Terengganu      |

**LAMPIRAN 2**

**PERANAN JABATAN KESIHATAN NEGERI, PEJABAT KESIHATAN DAERAH DAN KLINIK KESIHATAN DALAM PELAKSANAAN PERKHIDMATAN PRE-EXPOSURE PROPHYLAXIS (PREP) UNTUK PENCEGAHAN HIV DI MALAYSIA**

| <b>Bil</b> | <b>Aktiviti</b>                                                                                 | <b>Tindakan</b>                             |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| 1          | Penyelarasan Pelaksanaan                                                                        | JKN / PKD                                   |
| 2          | Latihan dan Pembangunan Kapasiti                                                                | JKN / PKD                                   |
| 3          | Pemantauan dan Penilaian Pelaksanaan                                                            | JKN / PKD                                   |
| 4          | Pengurusan Bekalan dan Logistik                                                                 | JKN / PKD                                   |
| 5          | Promosi Kesihatan dan Libat Urus Komuniti                                                       | JKN / PKD / Klinik Kesihatan / NGO setempat |
| 6          | Pelaporan dan Pengurusan Data                                                                   | JKN / PKD / Klinik Kesihatan                |
| 7          | Sokongan Teknikal kepada Fasiliti Kesihatan                                                     | JKN / PKD                                   |
| 8          | Rujukan dan kolaborasi dengan fasiliti Kesihatan lain berkenaan perawatan kes (jika diperlukan) | Klinik Kesihatan                            |